

Nur Alfian nyaris 'KO'

Berita Harian, 28 April 2014, Page 15

Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

Nur Alfian nyaris 'KO'

KEJOHANAN PENCAK SILAT NASIONAL KE-39

► ISMAIL ALI ismail@sph.com.sg

SUASANA di gelanggang pertandingan Dewan Sukan Jurong East cemas buat seketika petang semalam apabila juara Sukan SEA Myanmar, Muhammad Nur Alfian Juma'en, tercedera selepas ditumbuk di leher ketika terjatuh dan terpaksa dirawat.

Namun, selang beberapa minit kemudian, satu-satunya pendekar negara daripada Pergerakan Grasio yang berjaya meraih pingat emas dalam temasya serantau di Myanmar pada Disember lalu itu bangkit mencatat kemenangan mudah 5-0 ke atas lawannya, Muhammad Farid Mohamad Assalam daripada Tapak Suci Putera Muhammadiyah, dalam final Kategori Senior Kelas F dalam Kejohanan Pencak Silat Nasional ke-39.

Turut mencatat kemenangan mudah ialah juara dunia, Muhd Shakir Juanda, juga daripada Seni Grasio, yang mengalahkan Muhammad Zaid Abdul Latif daripada Sendeng Seturut, 5-0 Dalam Kategori Senior H.

Tiga lagi rakan mereka dalam skuad negara yang turut melayakkan diri ke final – Muhd Shamil Juanda, Mohamad Elyasak Said dan Nurul Suhaila Mohd Saiful – juga tidak menghadapi masalah mengatasi lawan masing-masing.

Namun, tumpuan semalam adalah pada kecederaan Nur Alfian.

"Saya tidak apa-apa. Ia tidak disengajakan. Saya memang menjangka saingan sukar kerana ini kali pertama saya bertanding dalam kategori senior.

"Tetapi alhamdulillah saya berjaya mengatasi cabaran ini. Kecederaan itu mengajar saya agar sentiasa bersedia pada bila-bila masa," kata Nur Alfian.

Dalam perlawanan VIP di akhir pertandingan yang disaksikan tetamu terhormat, Menteri Negara Kanan (Ehwal Dalam Negeri merangkap Ehwal Luar), Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin daripada Grasio, tewas 5-0 kepada rakan sepasukan dalam skuad nasional, Mohamed Saifullah Mohamed Julaimi, daripada Seligi Tuinggal Angkatan.



TEPUKAN TAHNIAH: Muhammad Farid Mohamad Assalam (*tali pinggang biru*) menepuk tangan tanda ucap tahniah atas kejayaan Muhammad Nur Alfian Juma'en mengalahkannya dalam Kejohanan Pencak Silat Nasional semalam. – Foto ZAINAL YAHYA

– Foto ZAINAL YAHYA